

19/06/1998

Sukom: Artis tempatan tetap diutamakan

KUALA LUMPUR, Khamis - Artis tempatan diberi keutamaan pada acara perasmian Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil 11 Julai depan dan Sukan Komanwel (Sukom) Ke-16 September ini walaupun beberapa artis asing turut dijemput bagi memeriahkan majlis itu.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata jawatankuasa Eksekutif Sukom belum membuat sebarang keputusan sama ada hendak menjemput artis asing dan kalau diputuskan berbuat demikian, hanya seorang dua sahaja yang akan dibawa masuk.

"Harus diingat bahawa Sukom akan dihadiri oleh peminat dari seluruh dunia dan hiburan yang disediakan perlu memenuhi citarasa pelbagai bangsa," katanya kepada pemberita di pejabatnya hari ini.

Muhyiddin mengulas laporan sebuah media tempatan semalam bahawa artis tempatan tersinggung dan kesal dengan Sukom 98 Berhad yang mengundang beberapa artis Barat untuk acara penutup sukan itu.

Menurutnya, isu patriotik yang ditimbulkan tidak wajar diperbesarkan kerana penonjolan imej Malaysia masih diutamakan tetapi persembahan luar juga perlu digabungkan bagi memeriahkan temasya itu.

Pembukaan rasmi Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil yang bakal dilaksanakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan disusuli pelbagai acara sampingan, termasuk sukan tradisi dan hiburan.

Muhyiddin berpendapat pembukaan kompleks berkenaan dengan sendirinya akan menjawab segala persoalan yang dibangkitkan mengenai kemampuan negara menganjurkan Sukan Komanwel Ke-16.

"Segala persiapan utama, termasuk persembahan serta aturcara sambutan, sudah selesai dan hanya beberapa persediaan akhir sedang dijalankan sementara menunggu ketibaan hari bersejarah itu."

"Kejadian vandalisme di beberapa gelanggang sukan juga telah dibetulkan dan polis serta pengawal keselamatan kini mengawal sepenuh masa bagi mengelak kejadian yang sama berulang," katanya.

Dalam perkembangan lain, Muhyiddin berkata, isu mengenai penajaan Sukom oleh Carlsberg akan diserahkan kepada Pengerusi Eksekutif Sukom, Jen (B) Tan Sri Hashim Ali, untuk diselesaikan.

"Ini kerana perjanjian pengiklanan antara kedua pihak sudah dimeterai dan semua syarat berkaitan termaktub dalam kontrak. Kini terpulang kepada budi bicara masing-masing untuk mencari rumusan sesuai," katanya.

(END)